

Sembunyi dalam bilik enjin

Sinar Harian 1/7/2018 m/s 35

26 nelayan asing ditahan tiada dokumen pengenalan sah

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Lapan nelayan asing dari Vietnam sanggup menahan panas bersembunyi di dalam bilik enjin bagi mengelak dicekup Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Terengganu selepas bot mereka ditahan agensi itu.

Bagaimanapun, usaha mereka gagal apabila berjaya dikesan dan seramai 26 nelayan Vietnam termasuk tekong berusia antara 18 hingga 55 tahun melibatkan tiga bot ditahan Maritim hasil rondaan Ops Pagar Laut, Khamis lalu.

Muhammad Suffi berkata, tiga bot itu dibawa ke jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 (1) (a) 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan tidak memiliki lesen sah.

Muhammad Suffi ber-

Timbalan Pengarah Maritim (Operasi) Terengganu, Komander Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkenaan mengatakan tiga bot itu ditahan di tiga lokasi berbeza antara 49 hingga 51 batu nautika dari muara Kuala Terengganu bermula jam 12 hingga 1 tengah hari.

"Bot berkenaan menggunakan nombor pendaftaran negara ini bagi mengaburi mata pihak berkuasa dan kita mengesan mereka sedang menunda pukat secara tunda dua bot di tiga lokasi berbeza.

"26 anak-awak termasuk tekong yang ditahan tidak mempunyai dokumen pengenalan sah dan kesemua rampasan bernilai hampir RM3 juta termasuk 3,500 kilogram hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan," katanya dalam sidang media, semalam.



Muhammad Suffi (dua, kanan) memeriksa sebahagian daripada 26 awak-awak dan tekong Vietnam yang ditahan melalui Ops Pagar Laut, Khamis lalu.

kata, tiga bot itu dibawa ke jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 (1) (a) 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan tidak memiliki lesen sah.

Menurutnya, Maritim

Terengganu tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutamanya nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang jelas menggunakan negara.

Sepanjang tahun ini katanya, Maritim Terengganu telah menahan 23 bot ne-

layan asing dengan jumlah rampasan dianggarkan bernilai lebih RM23 juta.

"Rondaan dan pemantauan berterusan di perairan negara akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk mencegah sebarang aktiviti menyalahi undang-undang maritim.

"Oleh itu kita mengharap-

3,500 kilogram hasil tangkapan laut, diesel, bot dan peralatan menangkap ikan dirampas

kan kerjasama masyarakat terutama nelayan tempatan untuk bantu kita," katanya.

Selain itu, Muhammad Suffi turut mengingatkan komuniti laut terutama pengusaha bot dan persatuan nelayan tentang pindaan syarat dalam buku lesen berkaitan alat pengesan vesel (MTU/VITU/ALC) yang dipasang di atas vesel penangkapan ikan tempatan diluluskan Ketua Pengarah Perikanan hendaklah berfungsi setiap masa.

"Kita tidak benarkan pemasangan alat pengesan vesel yang tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah Perikanan," katanya.

info